

Adaptasi filem ‘Cool Runnings’ dalam melatih pemanah dan pelajar UiTM Pahang

Mohamad Azmi Bin Nias Ahmad
Mohd Aripin Amat

ABSTRAK

Di awal penubuhan Kelab memanah UiTM Pahang, suntikan semangat yang berkesan amat perlu bagi mereka terus berjuang dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Filem ‘Cool Runnings’ telah digunakan oleh jurulatih bagi membangkitkan semangat supaya tidak mudah berputus asa, berfikiran terbuka dan global dengan hanya menggunakan sumber yang sedikit. Ianya terbukti berkesan apabila pemanah kelab ini telah berjaya membantu Pahang memenangi pingat Emas SUKMA pertama setelah 10 tahun kemarau pingat di SUKMA 2008 dan memecahkan rekod SUKMA 2010. Semangat yang ditunjukkan oleh empat atlet daripada Jamaika di dalam filem ini perlu dicontohi bukan hanya kepada atlet UiTM Pahang sahaja, tetapi juga oleh seluruh pelajar UiTM bagi mencapai Misi, visi dan Objektif UiTM (Universiti Teknologi MARA, 2010). Selain daripada itu, kertas ini akan membincangkan bagaimana nilai yang di tunjukkan di dalam filem ini menepati kesemua tujuh Model Graduan UiTM.

Kata Kunci : pemanah, pelajar, Model Graduan UiTM

Pengenalan

Filem ‘Cool Runnings’ arahan Jon Turteltaub, keluaran Walt Disney Pictures, telah diterbitkan pada bulan Oktober, tahun 1993. Ia telah menelan belanja sebanyak USD 12 juta (Vollmers, 2013) dan telah mendapat pulangan sebanyak USD155 juta. Filem yang bercorak aksi komedi ini adalah berdasarkan kisah sebenar pasukan bobsled negara Jamaika yang memecah tradisi sebagai pasukan bobsled pertama dari negara beriklim panas menyertai sukan ini di temasya Sukan Olimpik musim sejuk, Calgary, Kanada 1988 (Galbraith, 1993). Walaupun sudah berusia dua dekad, dan beberapa fakta telah diubah oleh Walt Disney untuk memberi suntikan komersial dan dramatik (Whannel, 2008), filem ini terus menerus mendapat perhatian jurulatih-jurulatih sukan dan sekolah-sekolah diseluruh dunia kerana ia memberi impak yang besar kepada pelajar untuk keluar dari kepompong keselesaan dan kurang berkeyakinan kepada seorang yang yakin dan tidak berputus asa (Zainudin dan Rahman, 2008).

Babak-babak filem dan pengajaran yang boleh diambil

‘Cool Runnings’ mengisahkan bagaimana tiga orang pelari 100 meter yang ingin mewakili Jamaica ke Sukan Olimpik musim panas terpaksa melupakan hasrat mereka setelah terjatuh ketika pusingan kelayakan diadakan. Derice Bannock, yang dilakonkan oleh Leon Robinson, amat kecewa kerana tidak dapat meneruskan legasi ayah beliau, Ben Bannock, yang memenangi pingat emas Olimpik pada tahun 1970an. Beliau merayu kepada Pengarah Majlis Sukan Jamaika untuk diadakan pemilihan semula memandangkan beliau secara konsisten boleh berlari dibawah catatan masa 10 saat. Namun, rayuan beliau ditolak kerana kesuntukan masa. Walaubagaimanapun, sebagai sahabat baik kepada bapa Derice, pengarah tersebut secara sinis telah mencadangkan beliau pergi ke sukan musim sejuk yang bakal diadakan di Calgary, Kanada. Beliau mencadangkan beliau berjumpa dengan bekas pemain bobsled warga Amerika Syarikat yang tinggal di pulau tersebut. Irving “Irv” Blitzer lakonan mendiang John Candy yang merupakan rakan kepada ayah Derice. Irving adalah pemenang 2 pingat emas di Sukan Olimpik musim sejuk pada tahun 1968 dan 1972. Malang bagi beliau apabila pingat emas tahun 1972 telah ditarik balik atas sebab penipuan. Disebabkan malu dengan keluarga dan rakan sepasukan, beliau telah membawa diri ke pulau Jamaika dan menjadi bookie judi. Sebelum kehidupan Irving menjadi melarat, beliau mempunyai Visi untuk melatih pemain bobsled dikalangan pelari jarak dekat kerana beliau percaya pelari boleh menolak bobsled dengan lebih pantas. Namun hasratnya terkubur disebabkan masalah penarikan pingat emas tersebut.

Derice amat teruja dengan cadangan pengarah tersebut terus mencari rakan baik beliau iaitu Sanka Coffie, lakonan pelakon komedi sensasi, Doug E. Doug, tanpa mengetahui selok belok sukan bobsled. Sanka seorang pemandu 'push cart', terkenal Jamaika, amat terkejut kerana sukan bobsled, yang seakan-akan push cart dimain di atas ais. Beliau pada mulanya menolak, tetapi melihatkan Derice amat bersemangat untuk pergi ke Sukan Olimpik untuk meneruskan legasi ayahnya, beliau bersetuju.

Di dalam filem ini, kedua penulisnya, Kyn Siefert dan Michael Rithie menyuntikkan elemen dramatik dan komedi dalam cabaran kedua-dua atlet ini memujuk Irving menjadi jurulatih. Pertemuan pertama mereka tidak berjalan lancar kerana Irving menolak. Walaubagaimanapun, Derice tak berputus asa walaupun beberapa cubaan memujuk gagal. Irving mula bersetuju setelah Derice menunjukkan sekeping gambar Irving bergambar dengan bapa beliau dan menyatakan bahawa beliau adalah anak kepada lagenda sukan Jamaica, Ben Bannock.

Seterusnya, mereka perlu mencari dua orang lagi bagi melengkap pasukan bobsled. Di sesi tayangan video untuk mencari ahli pasukan, kesemua calon yang hadir meninggalkan dewan tayangan kerana takut bahaya yang menanti mereka jika mereka terlibat dengan sukan ini. Ketika jurulatih mereka hampir berputus asa kerana tiada atlet untuk melengkapkan pasukan, 2 pelari yang sama-sama terjatuh ketika acara kelayakan iaitu Junior Bevil, lakonan Rawle D. Lewis dan Yul Brenner, lakonan Malik Toba, tiba. Maka sejarah tercipta apabila pasukan bobsled pertama Jamaica ditubuhkan.

Pengajaran daripada beberapa babak di atas adalah seseorang pelajar itu seharusnya cuba sedaya upaya mencuba sesuatu yang baru bagi mencapai matlamat yang mereka inginkan. Untuk menjadi juara tidak kisah bermula dari mana (Kopmeyer, 2008). Sebagai contoh sebahagian pelajar Diploma Perakaunan tidak mengambil matapelajaran prinsip perakaunan sewaktu di sekolah menengah. Faktor ini sepatutnya bukan menjadi alasan untuk tidak berjaya dan menukar kursus. Ia sepatutnya menjadi cabaran bagi mencapai kejayaan dan menggunakan setiap peluang dan masa yang ada di UiTM sebaik-baiknya.

Dalam konteks bagaimana Kelab Memanah UiTM Pahang bermula, pasukan ini bermula dengan peralatan memanah asas yang tidak lengkap dan tiada peralatan untuk memasuki kejohanan-kejohanan besar. Secara realistiknya situasi ini jelas menutup peluang bagi mereka untuk meneruskan perjuangan, namun mereka tidak mengalah. Pemanah kelab berusaha, membeli sendiri dan meminjam peralatan-peralatan ini sementara menunggu pembelian peralatan daripada Unit Sukan. Mereka telah berjaya meminjam daripada alumni UiTM, seorang bekas pemanah UiTM di era tahun 90an yang juga jurulatih pasukan memanah Kelantan. Peluang ini digunakan sepenuhnya oleh pemanah UiTM Pahang untuk menjalankan kerjasama pintar bersama pasukan ini. Hasil kerjasama ini, mereka telah berjaya membawa pulang pingat perak pertama memanah bagi UiTM Pahang dikejohanan jemputan antarabangsa dan terbuka UUM pada tahun 2007.

Babak seterusnya di dalam filem ini, pasukan bimbingan Irving berlatih dengan menggunakan bobsled yang diperbuat dari kayu. Walaupun, alatan yang digunakan amat daif dan hampir tidak relevan dengan sukan yang bakal mereka ceburi, Kesemua atlet juga dilatih menahan sejuk dengan duduk di dalam van aiskrim selama beberapa minit. Irving mempunyai kaedah tersendiri untuk melatih sebelum pergi ke Majlis Sukan memohon peruntukan untuk ke Sukan Olimpik Calgary. Aspek ini perlu direnung oleh setiap warga UiTM secara umumnya dan sesebuah kelab dan persatuan sukan khasnya. Seharusnya babak ini patut dicontohi dimana, biarpun peralatan tidak cukup dan sempurna, pelajar dan staf perlu kreatif mencari jalan untuk meneruskan apa jua agenda yang ingin dicapai. Sebagai contoh, projek berimpak tinggi, enrolmen pelajar seramai 200,000 harus ditangani dengan bijak tanpa mengorbankan kualiti akademik (Ibrahim, 2007).

Setelah mencapai catatan masa yang memuaskan, Irving berpuas hati dan pergi berjumpa dengan pengarah Majlis Sukan. Malangnya, tiada bantuan kewangan dapat diberi melainkan mereka boleh bertanding atas nama Jamaika. Irving berkeras, namun telah ditemplak dengan kata-kata adakah Irving ingin memalukan sebuah negara lagi dengan memberi sedikit wang yang Jamaika miliki. Dengan berasa amat kecewa, Irving keluar dari bilik dan menyatakan berita buruk tersebut kepada Derice. Tanpa menunjukkan wajah kecewa, Derice menyatakan, "tiada masalah, duit boleh dicari". Irving bertanya kepada Derice, "adakah perkataan menyerah kalah itu ada dalam diri kamu". Derice membala dengan menyatakan, "tidak ada langsung". Babak ini amat penting jika diamati dalam konteks pembelajaran pelajar. Pepatah ada mengatakan, "Nak Seribu Daya, Tak Nak Seribu Dalih". Sebenarnya dalam mengejar kecemerlangan, segala halangan perlu ditempuhi dengan bijak. Jika ingin berjaya perlu menghadapi kesusahan yang tidak dapat

digambarkan. Ini selari dengan Objektif UiTM yang inginkan pelajarnya bersikap positif dan membentuk keperibadaian mulia selain dari sanggup berdikari dan berani menjadi agen perubahan (UiTM, 2010).

Dalam mengejar cita-cita, mereka cuba mencari dana daripada syarikat-syarikat swasta, namun masih gagal dan digelak oleh eksekutif- eksekutif yang bertemu dengan mereka. Apa yang perlu direnungkan ialah, kita setiap warga UiTM perlu menjadi kebal pada cakap orang luar yang tidak membina dan terus fokus pada apa yang ingin dicapai oleh UiTM (Douglass, 2004). Mereka terus mencari dana dengan menjadi penyanyi jalanan, mengadakan pertandingan gusti lengan dan bermacam-macam lagi. Akhirnya, Junior Bevil yang masih rasa bersalah kerana menyebabkan kemalangan sewaktu pemilihan acara 100m, telah menjual keretanya dan mereka berjaya pergi ke Calgary.

Di Calgary, Jurulatih Irving terpaksa meminta bantuan bekas rakan sepasukannya untuk menjual bobsled simpanan bagi kegunaan pasukan Jamaica. Dia berjaya mendapatkan bobsled yang sangat usang dan dipandang enteng oleh kesemua atlet Jamaica kecuali Derice. Derice berpendapat bahawa bobsled tersebut merupakan rakan pasukan yang menjadi ahli keluarga baru mereka. Cabaran Irving seterusnya adalah untuk melatih atletnya berlari di atas ais dan setelah beberapa hari, mereka berjaya berlari tanpa sebarang masalah Nilai baik yang boleh dipelajari disini ialah kita perlu ada kesetiaan dan jangan beri tekanan melampau pada diri sendiri untuk mencabar perkara yang diluar kebiasaan. Pihak pengurusan perlu merencana pengurusan sumber manusia dengan bersistematis dan adil pada semua staf untuk mendapat sumbangan optimum daripada kesemua staf (Advantage Quest Publications, 2007).

Dihari kelayakan, pasukan Jamaica telah di batalkan penyertaan kerana dendam kesumat bekas jurulatih Irving pada tahun 1972, walaupun berjaya mencatatkan masa 59.46 saat iaitu dibawah 1 minit bagi pusingan kelayakan. Irving terus berjumpa dengan ahli mesyuarat Persatuan Sukan Musim Sejuk dan mengatakan bahawa mereka patut diberikan peluang. Setelah bermesyuarat, Jamaica dibenarkan menyertai sukan ini. Selain daripada itu, ada beberapa pasukan yang tidak menyenangi kehadiran mereka. Sewaktu latihan, Derice menjadi terlalu hormat kepada pasukan lawan yang lebih hebat, terutama pasukan Switzerland. Rasa hormat ini beliau terbawa-bawa hingga ke pusingan pertama catatan masa yang menimbulkan ketidaksenangan rakan sepasukan. Akibatnya, mereka melakukan banyak kesilapan hingga menjadi pasukan tercorot. Apa yang perlu direnungkan disini ialah, untuk mencapai visi UiTM, dimana, universiti ingin melahirkan graduan bertaraf dunia, global dan beretika, pelajar perlu jangan merasa terlalu merendah diri dan juga jangan terlalu meninggi diri. Pelajar perlu yakin pada diri sendiri dan jangan lupa daripada mereka berasal supaya tidak diperkotak-katik oleh bangsa lain. Sifat terlalu merendah diri akan menyebabkan pelajar berfikir untuk lulus cukup makan tanpa menyedari potensi diri mereka untuk mencapai kejayaan yang gemilang (Schwartz, 1959).

Setelah mendapat suntikan semangat dan teguran dari jurulatih dan rakan-rakan, mereka memperkuatkan semangat berpasukan dan semangat cintakan negara dan mereka berasa teruja melihat lawan mereka yang lebih kuat. Hasilnya, mereka berjaya mencatatkan masa 56.53 saat dan berada di tempat ke lapan di atas pasukan Amerika Syarikat. Iktibar yang boleh dipelajari adalah warga UiTM perlu mempunyai pemikiran kelas pertama yang mana mengutamakan kesetiaan kepada rakan sekerja dan UiTM dan perlu berkerja secara ikhlas walaupun imbuhan yang diterima tidak sehebat pekerja swasta. Namun, penjawat awam menyedari bahawa mereka menerima pelbagai imbuhan yang lain seperti pencen, perkhidmatan perubatan dan lain-lain seperti dinyatakan di dalam buku Panduan Staf UiTM (Pejabat Pendaftar (UKKP), 2005). Sesuatu tindakan yang ingin dilakukan perlulah dengan niat yang betul dan selari dengan Visi, Misi dan Objektif UiTM.

Di pusingan terakhir, pasukan Jamaica bermula baik, namun di pusingan terakhir, mereka mengalami kemalangan. Walaubagaimanapun, dengan penuh bersemangat, mereka mengangkat bobsled mereka dan menuju ke garisan penamat yang jaraknya tidak sampai 30m. Semangat patriotik yang mereka tunjukkan itu mendapat tepukan gemuruh dari penonton termasuk bekas jurulatih Irving yang mula mengagumi semangat yang ditunjukkan oleh anak buahnya. Jika diamati secara mendalam, filem ini amat menepati model graduan yang di gariskan di dalam buku panduan Model Graduan UiTM (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UiTM, 2005) seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Nilai di dalam filem 'Cool Runnings' dibandingkan dengan Model Graduan UiTM

Babak filem	Model Graduan
Apabila Derice cuba belajar perkara baru (Bobsled)	Berpengetahuan dan Berkemahiran
Guna apa saja sumber yang ada. Sebagai contoh menggunakan bobsled kayu dan berlatih menahan sejuk di dalam peti ais	Kreatif, Konstruktif, Saintifik, Progresif, Inovatif, Kritikal, Global dan Analitikal
Buat sesuatu yang diluar kebiasaan untuk mencapai matlamat ke Sukan Olimpik. Tiada apa yang boleh menghalang mereka.	Rasional, Terbuka, Berpandangan Jauh, Berketerampilan, Bebas dan Yakin
Teruskan matlamat walaupun tidak dapat sumber kewangan dari pihak kerajaan dan swasta. Selain daripada itu mereka berlatih bersungguh-sungguh untuk memastikan mereka kompetitif di Sukan Olimpik.	Berdikari dan Berdaya Saing serta mempunyai cirri-ciri Kepimpinan, Keusahawanan dan Kemahiran Pengurusan yang tinggi
Selain cuba menyesuaikan diri dengan pengalaman yang baru, mereka perlu menjadi kebal kepada cakap orang luar yang tidak membina.	Mempunyai Kecerdasan dan Ketahanan Mental dan Fizikal yang berpanjangan
Menghabiskan perlumbaan walaupun selepas kemalangan demi maruah negara. Selain daripada itu mereka tidak meminta-minta kerana matlamat utama mereka ialah untuk mewakili negara.	Mempunyai Sifat Jati Diri, Patriotik, Berterima Kasih dan Bersyukur
Jangan biar orang pandang rendah, dan sentiasa merendah diri.	Bertakwa, Beretika dan Berakhhlak Mulia serta mempunyai citi-ciri Personailiti Seimbang yang seimbang, Harmonis dan Holistik

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, sifat tidak berputus asa perlu ada pada setiap warga UiTM dalam menjalankan tugasannya mereka tidak kira samada mereka atlet memanah, pelajar atau pun staf. Setiap individu perlu yakin pada diri sendiri dan fokus pada matlamat yang telah ditetapkan dan mereka perlu melaksanakannya dengan cara sendiri tanpa meletakkan diri mereka dalam tekanan yang melampau. Dalam mencapai sesuatu matlamat, semangat berpasukan perlu diterapkan dan semua tindakan perlu dengan niat yang betul tanpa membelakangkan kepentingan UiTM. Setiap individu perlu menjadi kebal kepada cakap orang luar yang tidak membina dalam membuat sesuatu yang diluar kebiasaan. Diharap kertas ini dapat memberi sedikit input yang signifikan bagi pencapaian kecemerlangan akademik serta mempunyai daya tahan yang kuat bagi mengharungi cabaran global masakini. Setiap kejayaan perlu langkah pertama dan langkah pertama tersebut perlu bermula tidak kira dari mana.

Rujukan

- Advantage Quest Publications. (2007). *Peak performers: How to get the best from yourself, your co-workers, your staff*. Rockhurst: National Press Publications.
- Douglass, M. (2004). *Success secret: A common sense guide to lifelong achievement*. Kuala Lumpur: Advantage Quest Publications.
- Galbraith, J. (1993, 1993 Sep 30). The story of Jamaica's bobsledders Cool Runnings: : One movie's improbable course, *Newsday*, p. 63.
- Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UiTM. (2005). *Model Graduan Universiti Teknologi MARA* Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Ibrahim, A. S. (2007). *Amanat Tahun Baru 2007*. Universiti Teknologi MARA Shah Alam: UPENA.
- Kopmeyer, M. R. (2008). How to get whatever you want *How to get whatever you want in spite of all obstacles!* (pp. 110-117). Kentucky, United States of America: UBS Publishers' Distributors Pvt. Ltd.
- Pejabat Pendaftar (UKKP). (2005). *Buku Panduan Staf UiTM* Selangor: Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Schwartz, D. J. (1959). *The Magic of Thinking Big*. New York: Fireside.
- Universiti Teknologi MARA. (2010). Moto, Visi, Misi, Falsafah & Objektif Universiti Retrieved 15 December, 2012, from
<http://www.uitm.edu.my/index.php/bm/kenali-uitm/profil-a-sejarah-uitm/moto-visi-misi-falsafah-a-objektif-universiti>
- Volmers, E. (2013, 2013 Jan 31). Still cool after all these years; Actor Doug E. Doug recalls shooting Jamaican bobsled team movie Cool Runnings in Calgary, *Calgary Herald*.
- Whannel, G. (2008). Winning and losing respect: narratives of identity in sport films. *Sport in Society*, 11(2-3), 195-208. doi: 10.1080/17430430701823422
- Zainudin, Z., & Rahman, A. A. (2008). *19 Tabiat Kuasa Perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

MOHAMAD AZMI BIN NIAS AHMAD dan MOHD ARIPIN AMAT
Universiti Teknologi MARA (Pahang).
azminias@gmail.com dan aripin@pahang.uitm.edu.my.